



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

345 RIBU PENGUNJUNG KE NICE 2017, EKSPLO SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI TERBESAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 OKTOBER 2017 - NICE 2017, ekspo Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) terbesar Negara yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berlangsung pada 12-16 Oktober 2017 telah berjaya menerima 345 ribu pengunjung.

YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam ucapan perasmian Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2017 juga penutup NICE '17 menyatakan bahawa, "kejayaan ini adalah berkat kerjasama strategik dan sumbangan semua pihak, diketuai oleh Ketua Setiausaha MOSTI, TKSU, Ketua Jabatan, CEO Agensi, Ketua Bahagian, pegawai dan kakitangan, Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain, pihak swasta, Universiti dan semua pihak yang tidak dapat saya sebut kesemuanya. Untuk makluman, kita telah menjalinkan lebih 119 rakan strategik malah di saat akhir masih banyak agensi yang turut serta."

Tambah beliau lagi, "kejayaan NICE 2017 ini adalah pencetus untuk menjadikan NICE di tahun-tahun akan datang diisi dengan pelbagai program, aktiviti yang lebih menarik, baru dan segar sesuai dengan perkembangan/tren semasa. Ini selari dengan hasrat YAB Timbalan Perdana Menteri semasa perasmian agar program NICE pada tahun berikutnya dibuat dengan lebih besar."

Sempena Malam Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2017 pula, terdapat 6 anugerah disampaikan iaitu kategori Produk, Perkhidmatan, Akar Umbi, Sekolah, Media Cetak

dan Media Elektronik. Dua (2) anugerah lain turut disampaikan adalah Anugerah Saintis Muda dan Anugerah Juruteknologi Negara.

Pemenang-pemenang menerima hadiah sepertimana berikut:

- i.** Anugerah SaintisMuda
RM20,000, plakdansijil
- ii.** Anugerah Juruteknologi Negara
RM10,000, plakdansijil
- iii.** Produk
RM50,000, trofi AIN dansijil
- iv.** *Perkhidmatan*
RM50,000, trofi AIN dansijil
- v.** Akar Umbi
RM20,000, trofi AIN dansijil
- vi.** Sekolah
RM10,000, trofi AIN dan sijil
- vii.** Media Cetak
RM10,000, trofi AIN dansijil
- viii.** Media Elektronik
RM10,000, trofi AIN dansijil

AIN yang merupakan acara tahunan MOSTI sejak 2005, dilaksanakan bagi memberikan pengiktirafan kerajaan terhadap usaha-usaha penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh pelbagai peringkat lapisan masyarakat. AIN kali ini mendapat sambutan memberangsangkan dengan jumlah 655 penyertaan.

AIN juga menjadi salah satu platform utama untuk mengetengahkan hasil kreatif dan inovasi para penyelidik negara supaya penggunaannya dapat diperluaskan. Diharapkan AIN juga diharapkan dapat merealisasikan hasrat kerajaan supaya dapat mengarusperdanakan STI untuk pembangunan sosio ekonomi negara.

- END -

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Huda Idris | +6018 280 4465 | huda.idris@ioli.com.my
Zulaikha Shawaludin | +60 17-224 0750 | zulaikha.shawaludin@ioli.com.my

IOLI COMMUNICATIONS SDN BHD

Akmal Tujad 0129075372 akmaltujad@mosti.gov.my
Azmi Majid 0176826205 m.azmi@mosti.gov.my

Tentang NICE 2017

National Innovation and Creative Economy Expo 2017 atau NICE 2017 anjuran Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) adalah acara ulung untuk pelajar, penggemar sains, penyelidik dan pendidik untuk menyampaikan hasil kerja berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) kepada orang ramai. Sebagai ekspo inovasi utama, NICE 2017 berlangsung dari 12 hingga 16 Oktober, 2017 di Technology Park Malaysia, Pusat Sains Negara, dan Planetarium Negara.

Antara program-program utama NICE 2017 adalah seperti berikut:

1. **Robot Battle:** Pertandingan perlawanan di antara dua atau lebih robot yang dibina khas.
2. **KL Science Fiction:** Himpunan peminat fiksyen sains tempatan dan antarabangsa untuk membincangkan aktiviti dan program sains fiksyen.
3. **Fun Run for Science:** Larian ceria untuk meningkatkan kesedaran STI bersempena dengan World Standards Day.
4. **Smart Home:** Mentransformasikan rumah pada masa hadapan melalui penyelesaian yang bijak, inovatif dan mesra.
5. **Pesta Buku Sains:** Lebih 50 penerbit buku besar kecil akan mempamerkan buku terbitan mereka.
6. **Kampung Animasi:** Aktiviti interaktif untuk memupuk minat dan kesedaran dalam Teknologi Animasi.
7. **Forum NEO@NICE:** Forum ini memberi tumpuan kepada ekonomi masa depan yang dipacu teknologi dan inovasi.
8. **Telescope 500 Gathering @Planetarium:** Aktiviti ini mensasarkan untuk mengumpul 500 penggemar astronomi untuk menikmati acara merenung bintang dalam satu malam sewaktu NICE 2017.
9. **Journey to Malaysia 2050:** TN50 mempunyai wawasan dengan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2050 dan teguh di antara negara-negara dunia dalam bidang ekonomi, inovasi dan kesejahteraan warganegara.
10. **Drone Racing GP:** Drone Racing GP merupakan acara 4 hari yang disertai kira-kira 200 peserta dari seluruh Asia Tenggara dan Eropah untuk menunjukkan kemahiran dalam perlumbaan drone.

TENTANG AIN

1. Tujuan utama penganjuran AIN adalah untuk **mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti** yang menjana idea, ciptaan dan produk baru dalam sains dan teknologi, seterusnya menyumbang kepada pembangunan Negara. Pertandingan AIN yang **pertama telah diadakan pada tahun 2006** dan sehingga kini telah menjadi acara tahunan MOSTI.
2. AIN dibahagikan kepada **3 kategori utama** iaitu:
 - a) Pengiktirafan dan Penghargaan
 - b) Kesedaran Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) melalui Media
 - c) Hasil Inovasi
3. **Bagi Kategori Pengiktirafan dan Penghargaan, Anugerah Saintis Muda** akan disampaikan kepada saintis muda berumur 35 tahun dan kebawah yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan R&D STI. **Anugerah Juruteknologi Negara** juga akan disampaikan kepada juruteknologi serta kakitangan separuh ikhtisas yang turut sama memberikan sumbangan terhadap aktiviti penyelidikan dalam bidang STI.
4. **Bagi Kategori Kesedaran STI melalui Media, AIN Kategori Media Elektronik dan Media Cetak** telah diperkenalkan sejak tahun 2016 bagi member penghargaan kepada pihak media yang telah membuat liputan dalam bidang STI.
5. **Kategori Hasil Inovasi** terbahagi kepada **produk, perkhidmatan, akar umbi dan sekolah**. Pengiktirafan ini adalah bagi menghargai penajaan idea dan ciptaan produk atau perkhidmatan dari kalangan teknopreneur, agensi penyampaian perkhidmatan, komuniti setempat dan pelajar sekolah.
6. Sehingga 31 Julai 2017, MOSTI telah menerima **655 penyertaan** untuk menyertai AIN 2017 dan pecahannya adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	Anugerah Saintis Muda	52
2.	Anugerah Juruteknologi Negara	10
3.	Produk	69
4.	Perkhidmatan	131
5.	Akar Umbi	131
6.	Sekolah	191
7.	Media Cetak	58
8.	Media Elektronik	13
JUMLAH PENYERTAAN		655